

# Pupuk minat anak muda ceburi bidang arkitek

PENGANJURAN Pameran Seni Bina 2016 mampu memupuk minat dan memberikan pendedahan kepada masyarakat umum khususnya generasi muda mengenai kepentingan melahirkan ramai graduan dalam jurusan seni bina.

**Dekan Fakulti Reka Bentuk dan Senibina Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. LAr. Dr. Osman Mohd. Tahir** berkata, ia penting kerana bidang seni bina sentiasa berkembang, sekali gus memerlukan tenaga mahir yang mencukupi.

“Melalui pameran ini, ia sedikit sebanyak memberi pendedahan kepada generasi muda terutamanya mengenai ruang lingkup tugas seorang pelajar jurusan seni bina.

“Dengan cara ini, ia menjadi platform terbaik untuk menarik minat mereka, sekali gus memilih program seni bina sebagai jurusan pilihan apabila menyambungkan pelajaran kelak. Ia mampu menyediakan tenaga mahir yang mencukupi



OSMAN

dalam bidang itu pada masa hadapan,” katanya.

Tambahnya, pameran itu juga menjadi landasan terbaik untuk pelajar yang sedang mengambil program seni bina mengetengahkan bakat mereka dalam bidang tersebut.

Osman berkata, pendedahan luar seperti pameran itu sangat penting kepada pelajar-pelajar. Ia akan menjadikan mereka lebih kreatif kerana berpeluang melihat

rekaan-rekaan projek pelajar lain yang mengambil jurusan sama.

“Daya pemikiran pelajar ini perlu lebih kreatif supaya mereka dapat menghasilkan satu rekaan luar daripada kebiasaan.

Dalam pada itu, Osman berkata, program seni bina semakin menjadi pilihan pelajar lepasan sekolah untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

“Setiap tahun, permohonan yang diterima UPM untuk program seni bina antara yang tertinggi.